

08/10/2003

Proses penyenaaraan Felda ke Papan Utama lancar

Norliza Ahmad

PROSES bagi menyenaraikan Felda Holdings Sdn Bhd (FHSB) di Papan Utama Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) berjalan lancar, dan ia dijangka dapat dilaksanakan mengikut perancangan.

Pengerusi Felda, Tan Sri Dr Mohd Yusof Noor, berkata, ketika ini Felda sedang melaksanakan urusan penilaian aset FHSB dan perkara lain berkaitan penyenaaraan itu.

Beliau berkata, apabila selesai, Felda akan menyerahkan pelan penyenaaraan FSHB itu kepada Kementerian Kewangan.

"Proses bagi penyenaaraan FSHB sedang dilaksanakan dengan rapi dan ia dijangka akan dilaksanakan dalam tempoh singkat.

"Tiada masalah yang dihadapi setakat ini," katanya kepada pemberita selepas majlis memeterai Memorandum Persefahaman (MoU) antara KFCH Holdings (Malaysia) Bhd dengan Kolej Universiti Islam Malaysia (Kuim) di Hotel Renaissance, Kuala Lumpur, semalam.

Mohd Yusof yang juga pengerusi Kuim berkata, penyenaaraan FHSB itu akan memberikan manfaat kepada kira-kira 103,000 peneroka Felda, tetapi ia tidak akan menjejaskan tanah milik mereka.

"Keputusan kerajaan untuk menyenaraikan FHSB ini adalah sebagai ganjaran dan pengiktirafan kepada mereka," katanya.

Datuk Seri Dr Mahathir ketika membentangkan Bajet 2004 bulan lalu mengumumkan langkah menyenaraikan Felda di BSKL.

Perdana Menteri berkata, langkah itu bertujuan memantapkan pasaran modal tempatan dan memberikan faedah kepada peneroka Felda serta pihak lain yang berkaitan.

Penyenaaraan itu juga akan membolehkan Felda mendapatkan modal daripada pasaran modal, seterusnya tidak perlu lagi bergantung kepada kerajaan untuk sumber kewangan.

Di samping itu, langkah berkenaan adalah sejajar matlamat Dasar Ekonomi Baru (DEB) yang mahu meningkatkan kepentingan pemilikan Bumiputera dalam sektor korporat kepada 30 peratus.

Menteri Kewangan Kedua Datuk Dr Jamaludin Jarjis ketika menjelaskan langkah penyenaaraan itu pula, berkata, ia akan dilaksanakan menjelang hujung tahun ini, selepas suntikan aset utama Felda, termasuk 354,554 hektar tanah ladang serta ekuiti dalam anak syarikat dan syarikat bersekutu Felda, ke dalam FHSB.